

04 MAY 2003

Zaharah-Perpaduan

MEI DIISYTIHAR BULAN PERPADUAN

KUALA TERENGGANU, 4 Mei (Bernama) -- Kerajaan telah bersetuju untuk menjadikan bulan Mei setiap tahun sebagai Bulan Perpaduan bagi menggantikan Hari Perpaduan yang disambut pada 16 Sept sebelum ini.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman berkata langkah itu adalah bagi melengkapkan program kementerian ke arah menjana perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum di negara ini.

"Sambutan Bulan Perpaduan ini bermula tahun ini iaitu pada bulan Mei sekarang ini dan kita telahpun menyediakan sebanyak 597 aktiviti sepanjang Bulan Perpaduan. Program kemuncak kita ialah Sambutan Mega Perpaduan pada 28 hingga 31 Mei ini di Dataran Konvo Universiti Putra Malaysia yang akan dihadiri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian Program Semarak Padu Bersama Media anjuran Jabatan Perpaduan Negara Terengganu di sini malam tadi.

Tema Bulan Perpaduan yang pertama ini ialah Interaksi Kaum Perkasa Perpaduan.

Dr Siti Zaharah berkata antara program dalam Mega Perpaduan yang akan dihadiri kira-kira 100,000 rakyat Malaysia pelbagai kaum ialah Perkhemahan Anak Malaysia oleh 1,200 Jiran Muda Rukun Tetangga.

Beliau juga berkata kementerian telah menubuhkan satu pasukan khas sebagai sebahagian daripada langkah menangani pelbagai gejala sosial di kalangan masyarakat, khususnya generasi muda.

"Sekarang ini isu Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS), kita juga akan memainkan peranan bagi menyedarkan masyarakat agar menjauhi aktiviti sosial yang boleh menyumbang kepada masalah tersebut," katanya.

-- BERNAMA

AYB SN MAI